

Kekalkan kecemerlangan

KOLEJ Kemahiran Tinggi Mara Banting dan Seremban mengekalkan kecemerlangan sebagai antara pusat persediaan pelajar terunggul bertaraf dunia dalam keputusan peperiksaan Diploma Program International Baccalaureate (IB) 2012.

Ketua Pengarah Mara, Datuk Ibrahim Ahmad berkata, pencapaian kedua-dua kolej itu amat membanggakan apabila 100 peratus pelajar yang menduduki peperiksaan berjaya memperoleh Diploma IB.

"Mara mula menawarkan program IB di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Banting pada 1992 diikuti Seremban pada 2005 yang bertujuan mempelbagaikan program prauniversiti berprestij selain program A-Level di institusi pendidikan



**IBRAHIM
AHMAD**

Mara dengan hasrat melahirkan pemimpin masa depan negara yang kompeten serta global," katanya.

Tambahnya, berdasarkan statistik International Baccalaureate Organization (IBO), seramai 119,000 pelajar mengambil peperiksaan diploma IB di 2,378 pusat IB di seluruh dunia bagi 2012.

Katanya, daripada jumlah itu, seramai 371 pelajar mengambil peperiksaan berkenaan di Kolej Kemahiran Tinggi Mara Banting dan seramai 105 pula mengambilnya di Kolej Mara Seremban.

Beliau menjelaskan, purata keputusan IB dunia bagi 2012 ialah 29.83 mata dengan 78.16 peratus pelajar yang menduduki peperiksaan itu berjaya memperoleh lebih daripada 24 mata yang ditetapkan sebagai syarat untuk lulus.

"Kolej Kemahiran Tinggi Mara Banting telah menunjukkan prestasi yang lebih baik apabila mencatat 37.72 purata mata pada 2012 berbanding 36.88 pada tahun lalu.

"Begitu juga bagi Kolej Kemahiran Tinggi Mara Seremban yang turut menunjukkan peningkatan 37.60 bagi 2012 berbanding 36.80 tahun lalu," katanya.

Jelas Ibrahim, sebanyak 86.2 peratus pelajar berkenaan berjaya melepasi 35 mata yang ditetapkan sebagai syarat tajaan Mara bagi melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka di luar negara.

Manakala selebihnya akan dihantar untuk menyambung pengajian di institusi pendidikan tinggi tempatan.

Beliau berkata, sehingga kini Mara telah melahirkan 5,000 pelajar Diploma IB dengan 90 peratus telah melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka dunia seperti University of Cambridge, Imperial College London, London School of Economics, Trinity College Dublin, University of Adelaide, Pennsylvania State University dan University of Edinburgh.